



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 1998

**PELAKSANAAN WAKTU BEKERJA BERPERINGKAT
DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan mengenai Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) di semua agensi Kerajaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

LATAR BELAKANG

2. Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kepada orang awam serta mewujudkan satu perkhidmatan penyayang, maka projek rintis WBB telah dijalankan di Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam & Eksais Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

Melalui sistem WBB ini tempoh masa perkhidmatan yang diberi kepada pelanggan telah dipanjangkan.

3. Kajian projek rintis menunjukkan bahawa pelanggan, anggota perkhidmatan awam, pihak pengurusan dan Kesatuan Sekerja menyambut baik sistem ini. Oleh itu, Kerajaan telah bersetuju supaya sistem WBB diperluaskan kepada semua agensi Kerajaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

WAKTU BEKERJA BERPERINGKAT

4. WBB ialah satu sistem kerja di mana Waktu Pejabat di agensi Kerajaan dibuka secara berterusan selama 9 jam 15 minit (Isnin - Khamis), 6 jam 45 minit (Jumaat) dan 5 jam 45 minit (Sabtu), untuk meningkatkan produktiviti agensi Kerajaan dan mutu perkhidmatan kepada orang awam.

5. Dalam sistem ini Masa Kerja anggota perkhidmatan awam ditentukan secara berperingkat dan anggota diberi pilihan untuk memilih Masa Kerja yang sesuai untuk diri dan keluarganya, mengikut Waktu Peringkat yang ditetapkan.

WAKTU PEJABAT

6. Waktu Pejabat ialah tempoh masa di mana pejabat dibuka secara berterusan dari Jam 0730 hingga Jam 1645 (Isnin-Jumaat) dan Jam 0730 hingga Jam 1315 (Sabtu) untuk memberi perkhidmatan kepada orang awam. Akan tetapi pejabat ditutup dari Jam 1215 hingga Jam 1445 pada hari Jumaat bagi

mbolehkan anggota menunaikan sembahyang fardu Jumaat. Di bawah sistem WBB, Waktu Pejabat adalah seperti berikut-

	Mula			Tamat
ISNIN hingga KHAMIS	0730			1645
JUMAAT	0730	1215	Pejabat ditutup	1445 1645
SABTU	0730			1315

WAKTU PERINGKAT

7. Waktu Peringkat (WP) ialah jadual masa, termasuk masa rehatnya, yang telah ditetapkan secara berperingkat. Di bawah sistem WBB, dua WP ditetapkan seperti berikut –

WP 1

	Mula			Tamat
ISNIN hingga KHAMIS	0730	1215	Masa Rehat	1330 1545
JUMAAT	0730	1215	Pejabat ditutup	1445 1545

SABTU

0730	1215
------	------

WP 2

Mula

Tamat

ISNIN hingga
KHAMIS

0830	1330	Masa Rehat	1445	1645
------	------	-----------------------	------	------

JUMAAT

0830	1215	Pejabat ditutup	1445	1645
------	------	----------------------------	------	------

SABTU

0830	1315
------	------

MASA KERJA

8. Masa Kerja ialah WP yang diamalkan oleh anggota pada ketika itu, mengikut perenggan 7.

PELAKSANAAN WBB

9. WBB hendaklah dilaksanakan di semua agensi Kerajaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, WBB tidak terpakai bagi anggota yang pada masa ini tidak mengamalkan waktu pejabat biasa seperti waktu giliran.

10. WBB hendaklah dilaksanakan dengan menggunakan kemudahan/peralatan perakam waktu yang sedia ada.
11. Anggota boleh memilih WP 1 atau WP 2 yang sesuai setiap bulan bagi setahun. Ketua Jabatan boleh mengikut budibicaranya setelah berunding dengan anggota, menukar WP anggota berkenaan bila mana perlu.
12. Ketua Jabatan hendaklah membuat perancangan tahunan mengenai WP dan cuti rehat anggotanya untuk menjamin keberkesanan pelaksanaan WBB.

TARIKH KUATKUASA

13. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Mei 1998.

PEMAKAIAN

14. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI DR. MAZLAN BIN AHMAD)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

MALAYSIA

KUALA LUMPUR

12 Mac 1998

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Semua Pihak Berkuasa Berkanun di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Semua Pihak Berkuasa Tempatan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur